

06/08/1998

Pemuda Umno Johor sokong PM

JOHOR BAHRU, Rabu - Pergerakan Pemuda Umno negeri hari ini menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tanda sokongan segala usaha, keputusan dan tindakan beliau menangani isu antarabangsa termasuk hubungan Malaysia-Singapura.

Ketuanya, Hasni Mohammad, berkata, antara lain memorandum itu menyokong dan berdiri teguh di belakang kepemimpinan Dr Mahathir dalam menangani kegawatan ekonomi.

"Pemuda Umno Johor turut berdiri teguh di belakang kepemimpinan Dr Mahathir sebagai Presiden Umno untuk terus melaksanakan agenda kepimpinan demi kedaulatan, hak dan maruah agama, bangsa serta negara," katanya di sini.

Hasni berkata, memorandum yang ditandatangani semua 16 ahli jawatankuasa Pemuda Umno negeri di pos kepada Dr Mahathir, hari ini.

"Sepatutnya memorandum ini diserahkan kepada Dr Mahathir ketika melawat Johor semalam, tetapi jadualnya agak ketat dan menyulitkan untuk diserahkan kepada beliau," katanya.

Hasni berkata demikian selepas perjumpaan tertutup Badan Perhubungan Umno negeri dengan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno di Senai, malam tadi.

Sempena lawatan kerjanya sehari ke sini, Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Umno negeri sebelum berlepas pulang.

Mengenai isu Tanjong Pagar, Hasni berkata, setiap hari lima ahli Pergerakan Pemuda akan meninjau situasi di sana dan menyediakan laporan untuk dihantar kepada Pergerakan Pemuda Umno pusat.

(END)